



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH

IRSYAD AL-HUKMI

PERMOHONAN MEMINDAH TEMPAT SOLAT JUMAAT SEMENTARA; KARIAH BAHARU BANDAR LUNAS, KULIM, KEDAH.

Jabatan Mufti Negeri Kedah telah meneliti Permohonan Memindah Tempat Solat Jumaat Sementara Kariah Baharu Bandar Lunas, Kulim dari Surau Nurussaadah, Taman Sejahtera ke Surau Al-Abrar, Taman Gemilang, Lunas, Kulim dan bersetuju memberi pandangan berdasarkan alasan-alasan berikut:

- 1) Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bertarikh 25 Ogos 2015, telah **menyokong permohonan Jawatankuasa Masjid Kariah Bandar Lunas, Kulim untuk mendirikan Solat Jumaat Sementara di Masjid Ghairu Jami'** Taman Sejahtera, Lunas, Kulim.
- 2) Status Surau Nurussaadah, Taman Sejahtera **dinaik taraf kepada Masjid Ghairu Jami'** telah **mendapat perkenan KDYMM Tuanku Sultan Kedah Darul Aman** (rujuk P.KDYMM(K) (AG)61-1438 bertarikh 25 September 2018 bersamaan 15 Muharam 1440.
- 3) Kedudukan Surau Nurussaadah, Taman Sejahtera dikekalkan sebagai Tempat Solat Jumaat Sementara sehingga pembinaan masjid baharu kariah Bandar Lunas siap sepenuhnya adalah untuk memastikan anak jamaah dapat terus **beriktfikaf, mendirikan solat sunat Tahiyatul Masjid** serta ibadat sunat yang lain di surau berkenaan berbanding **Surau Al-Abrar yang tidak berstatus Masjid Ghairu Jami'**.

Justeru, setelah meneliti alasan-alasan untuk memindah Tempat Solat Jumaat Sementara yang dikemukakan oleh pihak Jawatankuasa Masjid Kariah Bandar Lunas, Kulim, maka Jabatan ini berpandangan bahawa **tiada asbab yang amat munasabah atau *dharurah syariyyah* yang boleh disabitkan untuk menyokong permohonan berkenaan.**

TARIKH KEPUTUSAN : 11 NOVEMBER 2021